# 888 graduan berjaya dilahirkan pada Konvokesyen PSA

SHAH ALAM - Majlis Konvokesyen kali ke-20 Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam berjaya melahirkan seramai 888 graduan yang terdiri daripada lulusan ijazah, diploma dan sijil.

Konvokesyen yang diadakan di Dewan Al-Jazari, pada 10 Februari lalu dilaksanakan secara dua sesi iaitu pagi dan petang.

Graduan terdiri daripada 244 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Awam, 234 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 205 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan 205 graduan dari Jabatan Perdagangan.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, graduan program Ijazah adalah seramai 29 orang.

Pada masa sama, PSA sekali lagi mengukir sejarah kerana berjaya meraikan seramai 26 graduan sulung bagi program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) dengan Kepujian selain daripada graduan Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan kepujian seramai tiga orang.

Graduan Diploma pula adalah seramai 849 orang manakala graduan program sijil seramai 10 orang, yang terdiri daripada golongan OKU, pekak dan bisu.

Dalam majlis ini juga turut disampaikan Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Jabatan, Anugerah Pengarah Politeknik dan Anugerah Projek Terbaik.

PSA telah memberi penghormatan kepada dua ikon untuk menyampaikan sijil kepada para graduan iaitu Ketua Pengarah, Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz dan Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Datuk Othman Mohamad.

Selain pelajar dan ibubapa yang hadir ke Majlis Konvokesyen PSA kali ini, majlis turut diserikan dengan kehadiran pihak industri dan agensi- agensi kerajaan yang lain.



Penerima Anugerah Pengarah Politeknik Iskandar Zulkarnain bin Adamulhasza (tengah) bersama kedua ibubapanya (kanan) bergambar bersama Prof. Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz.

Sebagai makluman, PSA telah berjaya melahirkan seramai 34,772 graduan semenjak penubuhan PSA pada tahun 1997 hingga kini.

PSA juga berjaya mencapai peratus Kebolehpasaran Graduan (GE) sebanyak 98.7 peratus.